



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/2/2012

Johor Bahru diberi nafas baru sebagai pusat perniagaan, komersial, pelancongan

RM200j untuk Iskandar Waterfront City

Oleh MOHAMAD FIKRI ROSLY
dan NOR AZAN FITRI
penarang@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 12 Feb. Kerajaan memperuntukkan dana awal RM200 juta bagi projek Iskandar Waterfront City yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi di Danga Bay, di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, projek yang akan dibangunkan oleh Iskandar Waterfront Holdings (IWH) merupakan pendahulu kepada inisiatif transformasi Johor Bahru untuk menjadi destinasi perniagaan, komersial dan pelancongan.

"Iskandar Waterfront City, dengan Danga Bay sebagai pusat pembangunannya adalah antara kawasan pembangunan paling menarik di Malaysia dan Johor khususnya. Akses mudah melalui udara, laut dan jalan raya serta kedudukan uniknya di penghujung Semenanjung bersempadan dengan Singapura memberi kelebihan besar sebagai destinasi gaya hidup dan menarik masuk pelaburan.

"Usaha memajukan semula kawasan perbandaran ini adalah selari dengan pendekatan pembangunan koridor oleh kerajaan Persekutuan bagi memberi nafas baru kepada bandar lama dengan gaya kehidupan moden. Ia bukan saja melibatkan pemuliharaan dan naik ta-

raf bangunan warisan, landskap dan mewujudkan kawasan hijau tetapi juga pengenalan kepada produk hartanah dan elemen nilai tambah kepada bandar sedia ada," katanya pada Majlis Ulang Tahun ke-15 Danga Bay di Pusat Persidangan Danga Bay, di sini hari ini.

Hadir mencemar duli pada majlis berkenaan, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan isterinya, Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah bersama Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail serta Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; isterinya, Prof. Datin Dr. Jamilah Ariffin, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, Ismail Ibrahim dan Pengarah Urusan IWH, Datuk Lim Kang Hoo.

Sultan Ibrahim juga berkenan melancarkan Pusat Maklumat Iskandar Malaysia dan Yayasan Danga sebagai tanda kemeriahhan sambutan ulang tahun Danga Bay.

Iskandar Waterfront City turut menyaksikan perancangan membina terminal kapal layar, marina, dermaga nelayan, bangunan menara menempatkan pejabat kewangan dan komersial, hotel, pusat pameran dan konvensyen serta kawasan perumahan.



SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar dan Najib Tun Razak diberi penerangan mengenai pembangunan Danga Bay oleh Lim Kang Hoo pada Majlis Ulang Tahun ke-15 Danga Bay di Johor Bahru, semalam. Turut hadir Raja Zarith Sofia Almarhum Sultan Idris Shah dan Rosmah Mansor. BERNAMA

Najib turut menyatakan keyakinan Danga Bay akan menjadi destinasi dermaga utama kerana pelan induk yang baru diumumkan itu bakal menarik lebih ramai pelabur, pelancong dan ahli perniagaan di

rantau ini.

"Potensi sebenarnya Danga Bay akan direalisasikan dengan pelancaran fasa terbaru cetak biru pembangunan Iskandar Waterfront City ini. Saiz dan skop projek ini bukan saja

besar tetapi menakjubkan. Sebaik-siap kelak, ia akan melonjakkan Johor Bahru menjadi bandar dermaga moden bukan saja di Malaysia tetapi juga rantau ini," katanya lagi.

Jelas beliau, sejak 15 tahun lalu,

IWH dengan sokongan kuat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) telah berjaya merubah kawasan ini yang dulunya dikenali sebagai Pantai Lido kepada pusat pembangunan dengan permintaan yang tinggi.